

PM akan umum tugas James Ongkili

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri akan mengumumkan tugas-tugas rasmi Datuk Dr James Ongkili yang baru dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, tidak lama lagi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga dijangka mengumumkan tugas-tugas dua Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Encik Radzi Sheikh Ahmad dan Datuk Lee Kim Sai serta Setiausaha Parlimen, Encik Awang Jabbar.

Beliau berkata, Jabatan Perdana Menteri mempunyai bilangan agensi yang terbanyak dan ia perlu disusun supaya tugas-tugas itu dapat diatur rapi.

"Kini Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman sedang menyusun senarai tugas yang akan dilaksanakan oleh Datuk Dr Ongkili", katanya selepas sidang akhbar mengenai rombakan kabinet di Bangunan Parlimen, hari ini.

Beliau berharap, perubahan itu diterima baik oleh semua pihak dan mereka yang dilantik akan menjalankan tugas masing-masing dengan sempurna.

Menurut Perdana Menteri, rombakan kali ini tidak radikal dan sebahagian besar Menteri dan Timbalan Menteri masih mengekalkan jawatan masing-masing.

"Adalah lebih baik kita mengekalkan Menteri-Menteri yang dilantik tahun lalu untuk meneruskan tugas tanpa diganggu oleh pertukaran yang dibuat tanpa sebab", katanya lagi.

Mengenai perletakan jawatan beberapa tokoh MCA dari Kerajaan, beliau berkata, perkara ini mungkin disebabkan parti itu inginkan tenaga baru.